

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL  
[LEMBAH PANTAI]**

**SOALAN**

**Tuan Ahmad Fahmi Bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah peruntukan penyelenggaraan dan menaiktaraf prasarana serta tempat tinggal anggota keselamatan dari 2008 ke tahun ini, mengikut kawasan parlimen.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah peruntukan perbelanjaan mengurus yang telah disalurkan kepada PDRM bagi menampung unjuran keperluan penyelenggaraan di seluruh Malaysia adalah seperti berikut;

Tahun 2012 – RM4,913,153.00;  
Tahun 2013 – RM31,225,634.08;  
Tahun 2014 – RM49,047,978.47;  
Tahun 2015 – RM29,506,886.68;  
Tahun 2016 - RM38,124,339.00;  
Tahun 2017 - RM37,850,175.63; dan  
Tahun 2018 - RM23,420,000.00. (OS32000 sahaja).

Untuk makluman YB, peruntukan tidak disalurkan mengikut Parlimen sebaliknya dibuat melalui Pejabat Kontinjen Negeri. Pada tahun 2019 PDRM telah diperuntukkan sejumlah RM 40,137,000.00 iaitu bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kecil/kecemasan bangunan serta kemudahan PDRM yang diletakkan di bawah peruntukan khas Kementerian Kewangan (PFI).

Sepertimana sedia maklum semasa pembentangan belanjawan tahun 2019, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM 200 juta kepada PDRM bagi tujuan pembaikan dan ubahsuai kuarters polis yang akan memberi manfaat kepada anggota dan ahli keluarga yang mendiami kuarters di seluruh negara.